



www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (2) Disember 2017(036-047)

Analisis Wacana Kritis terhadap Isu Perubahan Iklim di Malaysia

Ummi Nur Asyiqeen Zulkefly*

asyiqeenzulkefly@gmail.com

Alumni, Yayasan Khazanah Malaysia

Kesumawati A. Bakar

kesuma@ukm.edu.my

*Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA*

Abstrak

Perubahan iklim merupakan satu fenomena global yang memberi kesan terhadap setiap peringkat kehidupan. Contohnya, kenaikan suhu boleh menyebabkan pencairan ais di Antartika yang akan membawa kepada kenaikan paras air laut dan akhirnya mencetuskan banjir. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan rakyat Malaysia sedar akan ancaman serius perubahan iklim, namun mereka kurang pengetahuan serta kefahaman yang cukup untuk mengambil langkah-langkah intervensi yang diperlukan. Oleh itu, wacana berita dalam talian mengenai perubahan iklim dari agensi berita The Star Online dan New Straits Times telah dikaji untuk mengetahui perlambanan isu perubahan dari segi pengaruh kuasa dan rangka berita. Teori analisis wacana kritis oleh Van Dijk, T.A yang melibatkan analisis struktur mikro dan makro telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian mendedahkan bahawa rangka berita paling utama digunakan adalah “kesan perubahan iklim” manakala rangka berita paling kurang digunakan adalah “galakan mengambil tindakan” dan “langkah penyelesaian”. Selain daripada itu, kajian menunjukkan sumber-sumber berita, para wartawan dan golongan elit mempunyai kuasa dalam mempengaruhi garapan isu-isu perubahan iklim. Diharapkan bahawa akan ada lebih kajian dilakukan terhadap liputan berita mengenai perubahan iklim bagi memahami bagaimana rakyat Malaysia melihat isu perubahan iklim.

Kata kunci: analisis wacana kritis, pengaruh kuasa, rangka berita, berita dalam talian, perubahan iklim

Critical Discourse Analysis on Climate Change Issues in Malaysia

Abstract

Climate change is a catastrophic global phenomenon that effects every parts of life such as temperature rise that can lead to reduced food production and melting of ice sheet in the Antarctica leadings to sea-level rise and eventually flooding. However, past studies suggest that Malaysians are aware about the seriousness of climate change effects but lack knowledge and concern to take further actions. Past studies also suggest that news articles about climate change are controlled by those in power. Thus, online news articles about climate change issues from The Star Online and New Straits Times are analysed to uncover the representation of climate change in terms of frames and power relations. Van Dijk's approach of critical discourse analysis

are employed which consist of micro-structure and macro-structure analysis. Findings reveals that the most prominent frame found the selected news articles is "effects of climate change" while the least prominent frame is "call for action" and "solution". Besides that, the production of selected news articles is controlled by news sources, journalists and elite groups.

Keywords: critical discourse analysis, power, framing, online news, climate change, events.

1. Pengenalan

Thornborrow, J. (2012) menyatakan bahawa ahli-ahli bahasa sangat berminat untuk mengkaji perhubungan bagaimana sebuah cerita digarap dan bagaimana garapan tersebut membina perspektif dalam kalangan pembaca. Analisis wacana kritis merupakan kaedah kajian yang boleh merungkai bagaimana bahasa dan struktur linguistik digunakan untuk membina sesebuah perspektif (Stewart, M. 2014). Secara am, analisis wacana kritis merupakan kajian tentang bagaimana sesebuah teks dihasilkan melalui kajian linguistik secara terperinci dengan tujuan untuk menjelaskan hubungan antara penggunaan bahasa dan bagaimana bahasa dipengaruhi oleh pengaruh kuasa.

Menurut Van Dijk, T.A (1995), untuk memahami peranan dan mesej yang dibawa media, perhatian terhadap struktur dan strategi perlu diberikan dalam kajian terhadap sesebuah wacana berita. Penggunaan bahasa dalam media mempunyai sejenis struktur hubungan yang jelas dan malap antara wacana, kuasa, dominasi, ketidaksamaan sosial dan kedudukan penganalisis wacana dalam sesebuah hubungan sosial (Wodak, R. 2006; Van Dijk, T.A 1993). Oleh itu, kaedah kajian analisis wacana kritis telah digunakan oleh ramai pengkaji untuk menyingkap isu-isu sosial seperti masalah perkauman, diskriminasi, globalisasi dan bencana (Garrison, L. 2011).

Mengenai liputan berita tentang perubahan iklim, terdapat banyak peralihan maklumat berlaku daripada para saintis kepada media dan daripada media kepada masyarakat. Kajian terdahulu membuktikan bahawa peralihan maklumat tersebut tidak berjalan dengan lancar dan menyebabkan kegagalan peralihan maklumat (Boykoff & Boykoff 2004). Hal ini menunjukkan bahawa maklumat mengenai perubahan iklim diperolehi melalui saluran yang kompleks antara para saintis, pengamal polisi dan masyarakat di mana selalunya saintis dan pengamal polisi membentuk laporan media dan fahaman masyarakat terhadap sesebuah isu (Boykoff, M. & Roberts, J. 2007). Ertinya, penghasilan berita dan kandungan sesebuah berita dibentuk atau dirangka oleh mereka.

Selain itu, liputan berita mengenai perubahan iklim juga dikatakan dipengaruhi oleh norma kewartawanan. Sesebuah berita dianggap bernilai jika berita tersebut baharu dan isu-isu segera seperti bencana alam atau krisis politik. Anderson, A. (2009) dan Nor Jijidiana Azmi et al. (2015) dalam kajian mereka tentang liputan media mengenai perubahan iklim menyatakan bahawa kekerapan liputan sangat bergantung kepada isu-isu semasa dan sosio-politik yang mana liputan mengenai perubahan iklim meningkat apabila terdapat bencana yang berkaitan dengan perubahan iklim. Oleh itu, wacana berita dirangka oleh mereka yang berkuasa seperti para wartawan, saintis dan pengamal polisi untuk memenuhi kriteria berita sensasi oleh norma kewartawanan.

2. Penyataan Masalah

Perubahan iklim merupakan antara isu-isu global yang terbesar di dunia dan akan berlanjutan untuk berabad lamanya jika tiada tindakan diambil. Oleh itu, pemahaman dan kesedaran orang awam sangat penting supaya mereka ada kesedaran untuk mengambil tindakan. Dalam kes ini, media massa memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran orang awam. Bagaimana media massa melaporkan isu-isu perubahan iklim memberi kesan terhadap fahaman orang awam dan tindakan yang mereka sanggup lakukan (Boyce 2009).

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam laporan berita mengenai isu-isu perubahan iklim. Norma kewartawanan, pengaruh kuasa dan rangka

berita dikatakan telah menyebabkan kecondongan maklumat dalam melaporkan isu-isu perubahan iklim (Boykoff & Boykoff 2004, Boykoff & Roberts 2007, Boykoff & Boykoff 2007 and Stewart 2014). Van Dijk (1995) dan Stewart (2014) menyatakan bahawa media mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengawal maklumat yang akan disebarkan kepada orang awam dan seliaan dan kawalan maklumat tersebut dapat mempengaruhi pemahaman dan penilaian orang awam terhadap sesebuah topik serta tindakan yang diambil.

Selain daripada itu, Takahashi (2011) mendakwa bahawa kajian mengenai bagaimana isu-isu perubahan iklim dilaporkan dalam media massa adalah sangat terhad dalam negara-negara membangun walaupun negara-negara tersebut lebih terdedah terhadap kesan-kesan perubahan iklim. Di Malaysia, Nor Jijidiana Azmi et al. (2015) bersetuju melalui kajian mereka yang menunjukkan bahawa kajian mengenai liputan berita tentang perubahan iklim jarang ditemui.

Masud, M.M. et al. dan Rahman, Osman Mohamad dan Zainal Abu Zarim (2014) membuktikan dalam kajian mereka bahawa rakyat Malaysia sedar akan masalah perubahan iklim tetapi kurang pengetahuan tentang tindakan yang boleh diambil bagi menangani masalah ini. Hal tersebut berlaku mungkin kerana isu-isu perubahan iklim tidak mendapat liputan yang meluas di media Malaysia (Nor Jijidiana Azmi et al. 2015).

Maka, analisis wacana kritis dilakukan terhadap laporan berita dalam talian di Malaysia untuk mengkaji mesej sebenar yang disampaikan oleh agensi-agensi berita Malaysia dan bagaimana isu-isu perubahan iklim digarap.

3. Kajian Lepas

Dalam analisis lambangan media tentang isu-isu perubahan iklim, hanya segelintir kajian yang menggunakan teori analisis wacana kritis (Boykoff 2007a; Carvalho & Burgess 2005; Carvalho 2005, 2007 disebut dalam Garrison 2011). Teori ini mengkaji data pada tahap mikro dan makro dalam mengkaji lambangan isu-isu perubahan iklim di media berita.

Kajian terdahulu membuktikan bahawa teori tersebut boleh digunakan untuk mendedahkan pengaruh kuasa dan rangka berita yang digunakan dalam artikel berita mengenai perubahan iklim. Analisis wacana kritis mengambil kira teks dalam konteks (Van Dijk, T.A 1987a) dan memberi perhatian terhadap pembinaan rangka berita yang diberi keutamaan (Fairclough 1995).

Selain itu, kajian terbaru oleh Nhung, L.T (2016) mendedahkan bahawa penggunaan ciri-ciri linguistik seperti pilihan perkataan, hubungan perkataan, metafora, ayat pasif, nominalisasi dan modaliti didapati sangat dipengaruhi oleh ideologi yang tersemat dalam sesebuah wacana berita. Oleh itu, analisis kritis terhadap penggunaan ciri-ciri linguistik tersebut, kepincangan pengaruh kuasa dan bagaimana isu-isu perubahan iklim dilambangkan dapat dirungkai.

Dari segi rangka dalam penulisan berita, Chong and Druckman (2007a:104) menjelaskan bahawa teori rangka adalah berdasarkan premis di mana sesebuah isu atau peristiwa boleh difahami melalui pelbagai perspektif dan boleh ditafsirkan melalui pelbagai nilai atau pertimbangan. Oleh itu, rangka merupakan proses mengutamakan sebarang perspektif atau pertimbangan terhadap sesuatu topik dalam sesebuah teks dan boleh memberi impak terhadap bagaimana pembaca mentafsir sesebuah teks (Chetty 2011).

Cissel, M. (2012) menyatakan bahawa rangka merupakan alat yang digunakan oleh media untuk memberi sesuatu perspektif menjadi keutamaan berbanding perspektif lain dan sekali gus dapat mempengaruhi pembaca memikir tentang sesuatu topik seperti yang diinginkan. Proses pembinaan rangka dalam penulisan berita melibatkan gabungan perkataan-perkataan yang membentuk ayat-ayat atau cerita yang menyalurkan pemikiran kepada suatu rangka pemikiran.

Selain itu, penggunaan rangka dalam penulisan berita sering dikaitkan dengan pengaruh kuasa. Cissel (2012) menyatakan bahawa media berita adalah kaedah komunikasi yang berpengaruh

dalam mengawal bagaimana orang awam memahami sesuatu topik atau peristiwa. Van Dijk, T.A (2005) menegaskan bahawa media berita mengenal pasti, mentakrif dan membina realiti seperti yang diinginkan oleh pihak yang berkuasa. Dalam kata lain, media berita mempunyai kuasa dalam mempengaruhi bagaimana orang awam patut memikir tentang sesuatu peristiwa atau topik.

Teori pengaruh kuasa merujuk kepada pihak-pihak yang mengawal produk akhir sesebuah artikel berita. Menurut Van Dijk, T.A (2005), sesebuah kumpulan yang mampu mengawal tindakan dan minda kumpulan yang lain mempunyai lebih pengaruh kuasa. Dalam media berita, kumpulan-kumpulan tersebut mengawal kandungan serta struktur sesebuah teks dalam media berita. Selain daripada itu, para pengkaji mendapati bahawa kandungan dalam kebanyakan berita adalah hasil daripada agenda pihak-pihak yang berkepentingan dan bukannya daripada para wartawan (Corbett 2015).

Menurut Garrison, L. (2011), dalam penulisan berita mengenai isu-isu perubahan iklim, ahli-ahli politik dan industri bahan api fosil mengenakan kawalan terhadap masyarakat melalui pengaruh kuasa yang mereka miliki dengan mempunyai akses terhadap media serta mentakrif perkara yang patut diperkatakan berkenaan perubahan iklim. Fairclough (2001b) berpendapat bahawa pengaruh kuasa terhadap media boleh dimiliki melalui paksaan atau persetujuan. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun para wartawan berkuasa dalam membina rangka sesebuah penulisan berita, mereka masih dikawal oleh pihak-pihak yang paling berkuasa dalam sistem sosial.

Di Malaysia, kajian terdahulu menunjukkan laporan berita sangat dipengaruhi oleh pihak-pihak yang berkuasa terutamanya media-media arus perdana. Terdapat peraturan dan undang-undang untuk media Malaysia yang wajib diikuti dan menurut Iga, T (2008), terdapat lebih daripada 30 jenis undang-undang di Malaysia yang mengawal pergerakan media. Selain daripada itu, terdapat juga sistem media yang dibenarkan mengamalkan polisi pro-kerajaan untuk membantu pembangunan negara (Gill et al. 2012). Azlan et al. (2012) bersetuju bahawa media Malaysia tidak mempunyai kebebasan yang nyata dan mereka perlu patuh kepada ideologi yang sama dengan kerajaan.

4. Metodologi

Untuk mencapai objektif-objektif kajian ini, analisis wacana kritis berdasarkan pendekatan Van Dijk, T.A telah digunakan kerana pendekatan ini memberi fokus kepada masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat. Menurut Van Dijk, T.A (2005), analisis wacana kritis merujuk kepada kajian mengenai bagaimana kepincangan pengaruh kuasa, dominasi dan ketidaksetaraan digubal, dihasilkan dan ditentang oleh teks dalam konteks sosial dan politik. Tambahan lagi, Van Dijk (1977) mendakwa bahawa semantik makro-struktur sesebuah wacana berita adalah sama dengan konsep rangka dimana teori semantik makro-struktur menjelaskan kandungan utama dalam sesebuah wacana berita.

Dalam pendekatan Van Dijk, T.A, terdapat dua tahap analisis iaitu tahap mikro-struktur dan tahap makro-struktur. Analisis mikro-struktur mengkaji struktur ayat dan struktur perkataan manakala analisis makro-struktur mengkaji struktur tema sesebuah wacana.

Dari segi data kajian, terdapat dua portal berita dalam talian yang dipilih untuk dikaji iaitu *The Star Online* dan *New Straits Times* dan sebanyak 10 wacana berita daripada setiap berita portal tersebut telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria untuk dikaji. Secara keseluruhan, sebanyak 20 artikel berita telah dikaji. Antara kriteria pemilihan artikel-artikel tersebut adalah fokus artikel yang dipilih haruslah kepada isu-isu perubahan iklim dan diterbitkan antara bulan Julai hingga Disember, 2016. Pembolehubah bagi kajian ini adalah tema atau rangka wacana berita dan pengaruh kuasa.

5. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil kajian terhadap data yang dikumpul melalui pendekatan Van Dijk, T.A. Kedua-dua tahap analisis dibincangkan dalam sub-bahagian yang berbeza.

Analisis Tahap Mikro

Di bawah analisis tahap mikro, elemen-elemen struktur ayat dan perkataan dikaji bagi merungkai sebarang pengaruh kuasa yang terdapat di dalam data. Dalam kajian struktur ayat, elemen-elemen petikan, jenis ayat, ayat aktif dan pasif dan nominalisasi telah dikaji. Manakala dalam kajian struktur perkataan, elemen-elemen seperti laras bahasa, pilihan perkataan dan modaliti telah dikaji.

Petikan

Jadual 1: Penggunaan petikan

	Portal berita	The Star Online	New Straits Times	Jumlah
Petikan				
Petikan langsung		31	31	62
Petikan tidak langsung		64	64	128
Tanda petikan dalam		13	12	25
Jumlah		108	107	215

Berdasarkan data kajian seperti yang ditunjukkan di atas, petikan-petikan daripada sumber berita digunakan dengan meluas dan memberi tanggapan bahawa sumber-sumber seperti para saintis, institusi-institusi dan para profesor adalah yang bertanggung jawab menentukan topik, aspek atau sudut apa yang harus diutamakan apabila melaporkan isu-isu perubahan iklim. Selain daripada itu, petikan tidak langsung mendominasi penggunaan petikan berbanding petikan langsung dan tanda petikan dalam. Hal ini menunjukkan para wartawan mempunyai kuasa tertentu dalam penghasilan linguistik wacana berita dalam mencapai matlamat ideologi tentang isu-isu perubahan iklim. Oleh itu, pengaruh kuasa yang dimiliki oleh para wartawan berada pada penggunaan bahasa manakala sumber-sumber berita adalah pihak yang berkuasa memcadangkan rangka wacana berita. Selaras dengan dakwaan Boykoff and Boykoff (2007), para saintis adalah sumber utama yang menyediakan informasi tentang perubahan iklim melalui kajian yang dijalankan oleh mereka dan para wartawan mengalihkan maklumat tersebut kepada wacana berita.

Jenis Ayat

Jadual 2: Penggunaan ayat

	Portal berita	The Star Online	New Straits Times	Jumlah
Jenis ayat				
Ayat mudah		35	49	84
Ayat gabungan		5	3	8
Ayat kompleks		117	112	229
Jumlah		157	164	321

Bagi jenis ayat yang digunakan dalam data, kebanyakan ayat ditulis dalam bentuk ayat kompleks, diikuti ayat mudah dan ayat gabungan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Dalam penggunaan ayat mudah, kajian data mendapati kebanyakan ayat mudah digunakan untuk menyerlahkan sesebuah dakwaan dengan memberi lebih impak dan senang difahami. Selain daripada itu, ayat mudah juga digunakan untuk menunjukkan hakikat sesuatu dakwaan seperti yang dinyatakan oleh Van Dijk, T.A (1993) yang mana ayat mudah sering digunakan dalam wacana berita untuk menunjukkan kefactaan. Contoh ayat dalam data kajian ialah “*A decrease of 0.9 percent per year was needed to 2030*” dalam New Straits Times bertarikh 14 November 2016 di

mana ayat mudah digunakan dalam memberi fakta tentang penurunan suhu yang diperlukan menjelang tahun 2030.

Sementara itu, ayat kompleks mendominasi penggunaan ayat dalam data kajian. Sesetengah ayat kompleks digunakan bertujuan untuk menghurai isu yang dibincangkan untuk meningkatkan tahap kefahaman dakwaan. Manakala tujuan lain adalah untuk memampatkan sebanyak mungkin maklumat yang ingin disampaikan dalam bentuk yang ringkas dan padat dalam memberi impak. Walau bagaimanapun, sesetengah ayat kompleks dalam data kajian adalah sangat kompleks untuk difahami samada untuk memampatkan sebanyak maklumat yang mungkin atau dengan sengaja ingin menghindarkan pemahaman pembaca. Contohnya;

Maarten van Aalst, director of the Red Cross/Red Crescent Climate Centre, said officials in the Netherlands failed to issue a heat warning earlier this month, despite a prediction of very hot days, because they assumed – falsely – that lower night time temperatures in September would help moderate the problem.

(The Star Online 22 September, 2016)

Ayat Aktif dan Pasif

Dalam data kajian, penggunaan ayat aktif dan pasif dikaji dari segi pelaku (subjek), yang dilaku (objek) dan susunan ayat untuk merungkai sebarang pelaku yang mempunyai pengaruh kuasa.

Jadual 3: penggunaan ayat aktif dan pasif

	Portal berita	The Star Online	New Straits Times	Jumlah
Suara ayat				
Ayat aktif		133	134	267
Ayat pasif		37	30	67
Jumlah		170	164	334

Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3, 80% ayat-ayat yang digunakan adalah dalam bentuk ayat aktif.

Ayat-ayat dalam bentuk aktif kebanyakannya digunakan untuk menunjukkan kebenaran fakta yang didakwa dan untuk menyenangkan pembaca memahami dakwaan yang disampaikan. Sementara itu, ayat-ayat berbentuk pasif kebanyakannya ditulis bertujuan untuk mengelak dari menyebut golongan elit yang berkuasa seperti kerajaan dan konglomerat. Ayat-ayat pasif juga digunakan untuk meletakkan pelaku (golongan elit) di belakang ayat supaya pelaku tidak diberikan penekanan. Namun, apabila golongan elit ini melakukan sesuatu yang positif atau membincangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka untuk menangani isu-isu perubahan iklim, kumpulan ini diletakkan di hadapan ayat.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan pelaku dalam ayat-ayat dalam data kajian adalah perkara-perkara abstrak seperti sumber berita atau entiti semulajadi seperti “*the main vulnerability*” (kerentanan utama), “*failure*” (kegagalan), “*rise in sea level*” (kenaikkan paras air laut), “*climate change*” (perubahan iklim) dan “*recent studies*” (kajian terbaru). Pelaku-pelaku atau subjek tersebut ditulis dalam ayat berbentuk aktif dan pasif yang sesetengahnya berada di hadapan ayat dan sesetengahnya di belakang ayat. Oleh itu, pelaku-pelaku tersebut tidak ditindas atau disorok oleh para wartawan kerana mungkin pelaku-pelaku tersebut bukan entiti yang berkuasa. Antara sebab lain termasuklah mungkin wartawan ingin meletakkan fokus kepada kesan-kesan perubahan iklim dan meningkatkan kredibiliti dakwaan yang disampaikan oleh para saintis.

Nominalisasi

Berdasarkan data kajian, sejumlah 22 perkataan nominalisasi dijumpai. “*Carbon emission*” (pengeluaran karbon) dan “*burning of fossil fuel*” (pembakaran bahan api fosil) adalah dua perkataan nominalisasi yang paling kerap dijumpai dalam data kajian. Keadaan tersebut berkemungkinan berlaku kerana pelaku kepada kata kerja tersebut diketahui umum atau mungkin para wartawan cuba mengurangkan penekanan terhadap pelaku yang terlibat dalam perlakuan pengeluaran karbon dan pembakaran bahan api fosil. Kebanyakan nominalisasi yang digunakan dalam data kajian termasuk “*increasingly warm ocean*” (kenaikkan kehangatan air laut), “*failure*” (kegagalan) dan “*sea-level rise*” (kenaikkan paras air laut) dapat menyorok pelaku kepada keadaan tersebut dan menjadikannya benda abstrak dengan memberi fokus kepada perlakuan tersebut.

Laras bahasa

Analisis terhadap data kajian menunjukkan laras bahasa yang digunakan dalam wacana-wacana berita yang dipilih adalah berbentuk formal. Hal ini mungkin kerana para wartawan ingin mematuhi konteks wacana berita serta meningkatkan kredibiliti wacana berita kerana penggunaan bahasa formal dapat menggambarkan sesebuah wacana berita sebagai boleh dipercayai.

Namun begitu, terdapat beberapa wacana berita dalam data kajian yang menggunakan laras bahasa kurang formal mungkin untuk memmenakkan kemesraan dalam kalangan pembaca dalam percubaan untuk menggalakkan orang ramai mengambil tindakan terhadap usaha-usaha menangani perubahan iklim. Perkataan-perkataan seperti “*we*”, “*our*” dan “*us*” kerap digunakan apabila ingin menarik perhatian pembaca untuk mengambil tindakan sepatutnya dalam menangani perubahan iklim dalam menunjukkan kepentingan kerjasama semua pihak.

Pilihan Perkataan

Berdasarkan data kajian, perkataan “*threat*” (ancaman) dan “*risk*” (risiko) digunakan dengan banyak apabila membincangkan kesan-kesan perubahan iklim. Tambahan lagi, perkataan-perkataan seperti “*projection*” (unjuran), “*estimate*” (agakan) dan “*expected*” (dijangka) sering digunakan apabila berkata tentang kesan perubahan iklim berdasarkan jangkaan para saintis. Pilihan penggunaan perkataan-perkataan ini memperlihatkan ketidakpastian samada jangkaan para saintis akan benar-benar terjadi atau tidak dan sekali gus merendahkan rasa kerisauan dalam kalangan pembaca.

Selain daripada itu, penggunaan superlatif seperti “*warmest*” (paling hangat) juga dapat dijumpai dalam data kajian apabila membincangkan tentang keadaan iklim semasa yang disebabkan oleh perubahan iklim atau kesan-kesan yang mungkin berlaku di masa akan datang. Analisis data kajian juga menunjukkan superlatif berfungsi untuk menunjukkan kepentingan isu yang sedang diperkatakan. Contohnya adalah seperti dalam ayat dibawah;

*The earth is on track for its **warmest** year on record after October temperatures equalled the **third-warmest** for the month ever, a U.S. government agency said on Thursday.*
(*The Star Online*, 18 November, 2016)

Selanjutnya, kata adjektif juga digunakan oleh para wartawan apabila menerangkan tentang isu-isu atau dakwaan mengenai perubahan iklim. Penggunaan ini dapat memberi gambaran bagaimana para wartawan melihat isu tersebut. Dalam data kajian, adjektif tidak digunakan secara meluas tetapi masih digunakan terutamanya apabila menjelaskan tentang kesan-kesan perubahan iklim. Contohnya, frasa seperti “*impact of climate change*” (kesan perubahan iklim) sering didahului dengan adjektif seperti “*major*” (major), “*the most damaging*” (yang paling merosakkan) dan “*harmful*” (berbahaya) menunjukkan wartawan bersetuju dengan dakwaan yang dibuat oleh sumber berita mengenai kemungkinan kesan-kesan perubahan iklim. Kesesuaian penggunaan kata

adjektif diguna dalam penerangan boleh dikaitkan dengan fungsi kata adjektif sebagai penerang keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama (Nik Safiah Karim et al. 2017:225).

Modaliti

Penggunaan modaliti sering dapat memberi petunjuk tentang pandangan wartawan terhadap sesuatu topik. Analisis penggunaan modaliti dalam data menunjukkan modaliti digunakan dengan meluas apabila menyampaikan informasi tentang kesan-kesan perubahan iklim. Perkataan-perkataan modal seperti “*may*” (mungkin), “*could be*” (boleh jadi), “*would*” (bakal menjadi) dan “*likely*” (berkemungkinan) yang memberi tanggapan ketidakpastian sering digunakan oleh para wartawan apabila membincangkan tentang perkara-perkara yang bakal terjadi akibat perubahan iklim. Hal ini menunjukkan penggunaan perkataan modal menekankan ketidakpastian tentang dakwaan yang disuarakan oleh sumber berita samada ramalan mereka akan benar-benar terjadi atau tidak.

Namun, terdapat juga perkataan modal “*will*” (akan) digunakan apabila membincangkan tentang kesan-kesan perubahan iklim yang mempunyai tanggapan kepastian dan di masa depan sekali gus memberi tanggapan bahawa dakwaan tersebut benar tetapi masih belum berlaku. Tambahan lagi, dalam beberapa wacana berita dalam data kajian menunjukkan para wartawan juga turut menggunakan perkataan modal seperti “*need*” (perlu) dan “*must*” (harus) apabila menggalakkan pembaca untuk mengambil tindakan menangani perubahan iklim. Hal ini menunjukan para wartawan percaya dengan kemungkinan kesan-kesan perubahan iklim dan cuba mengambil tindakan dengan menyeru orang ramai untuk mengambil tindakan.

Analisis Tahap Makro

Analisis struktur makro merupakan analisis tematik yang melihat tema sesebuah wacana dan dianggap lebih umum berbanding analisis tahap mikro struktur (Van Dijk, T.A 1977). Semantik makro-struktur adalah lambangan terhadap maksud yang lebih kepada tahap global bagi sesebuah wacana. Oleh itu, analisis makro-struktur mentakrifkan sudut paling utama dalam laporan sesebuah berita tentang sesebuah topik atau peristiwa. Maka, dengan melakukan analisis tahap makro, sudut laporan dalam wacana berita tentang perubahan iklim dapat dikenal pasti sekali gus merungkai rangka berita yang diguna para wartawan dalam melaporkan topik perubahan iklim.

The Star Online

Dapatan kajian daripada analisis semantik makro-struktur menunjukkan majoriti wacana berita daripada *The Star Online* yang terpilih memberi fokus kepada sudut kesan-kesan perubahan iklim dalam laporan berita seperti kenaikan suhu, kenaikan paras air laut dan bencana alam. Ketidakpastian tentang samada kesan-kesan perubahan iklim akan berlaku atau tidak menjadi aspek utama dalam melaporkan kesan-kesan perubahan iklim kerana kesan-kesan tersebut masih dalam tahap ramalan oleh para saintis. Selain itu, sudut punca-punca perubahan iklim juga sering dilaporkan dalam data kajian dan aktiviti manusia sering dijadikan faktor kepada terjadinya perubahan iklim. Tambahan lagi, sudut jalan penyelesaian yang boleh dipraktikkan oleh masyarakat termasuk sudut galakan penyertaan masyarakat juga turut dilaporkan dalam beberapa wacana berita yang terpilih

Berdasarkan analisis di atas, dapatan kajian menunjukkan terdapat lima sudut atau rangka dalam wacana berita data kajian daripada *The Star Online*. Rangka-rangka tersebut adalah “kesan-kesan perubahan iklim”, “ketidakpastian kesan-kesan perubahan iklim”, “langkah-langkah penyelesaian”, “punca-punca perubahan iklim” dan “galakan mengambil tindakan”. Rangka “kesan-kesan perubahan iklim” paling banyak digunakan dalam melaporkan isu-isu perubahan iklim diikuti dengan “ketidakpastian kesan-kesan perubahan iklim” manakala rangka paling kurang digunakan adalah “galakan mengambil tindakan”. Kekerapan dalam menggunakan rangka-rangka wacana berita tersebut dalam data kajian adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah;

Jadual 4: Kekerapan rangka yang digunakan dalam data kajian

Rangka	Nombor kekerapan
Kesan-kesan perubahan iklim	7
Ketidakpastin kesan perubahan iklim	5
Langkah penyelesaian	4
Punca-punca perubahan iklim	3
Galakan mengambil tindakan	3

News Strait Times

Berdasarkan analisis semantik makro-struktur terhadap wacana berita terpilih daripada *New Straits Times*, majoriti daripada wacana berita tersebut malaporkan isu-isu perubahan iklim dari sudut punca-punca dan kesan-kesan perubahan iklim. Punca-punca tersebut sering dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti manusia seperti pengeluaran karbon, gas-gas rumah hijau dan penebangan hutan. Sementara itu, apabila melibatkan kesan-kesan perubahan iklim, kenaikan suhu dan paras air laut serta pencarian ais yang menyebabkan kesan-kesan kecil yang lain sering dilaporkan. Selain itu, sesetengah daripada wacana beerita tersebut meggunakan arus media dalam memberi galakan kepada masyarakat untuk mengambil tindakan dalam menangani perubahan iklim. Selain menggalakkan pembaca berita mengambil tindakan, sesetengah wacana berita tersebut juga menyebarkan maklumat tentang tindakan yang boleh diambil oleh masyarakat untuk menangani kemungkinan kesan-kesan perubahan iklim. Walau bagaimanapun, apabila melaporkan kemungkinan kesan-kesan perubahan iklim, sesetengah daripada data kajian menunjukkan terdapat ketidakpastian samada kesan-kesan tersebut akan berlaku atau tidak.

Daripada data kajian dalam *New Straits Times*, terdapat lima rangka atau sudut yang digunakan apabila melaporkan isu-isu perubahan iklim iaitu “punca-punca perubahan iklim”, “kesan-kesan perubahan iklim”, “galakan mengambil tindakan”, “ketidakpastian kesan perubahan iklim” dan “langkah penyelesaian”. Kajian menunjukkan rangka “punca-punca perubahan iklim” dan “kesan-kesan perubahan iklim” paling kerap digunakan manakala rangka “ketidakpastian kesan perubahan iklim” dan “langkah penyelesaian” paling kurang digunakan. Jadual 5 di bawah menunjukkan kekerapan penggunaan rangka-rangka yang telah dikenal pasti daripada data kajian;

Jadual 5: Kekerapan rangka yang digunakan dalam data kajian

Rangka	Nombor kekerapan
Kesan-kesan perubahan iklim	7
Punca-punca perubahan iklim	7
Galakan mengambil tindakan	4
Ketidakpastian kesan perubahan iklim	2
Langkah penyelesaian	2

6. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui lambangan isu-isu perubahan iklim dalam laporan wacana berita terpilih dan terdapat dua matlamat dalam kajian ini. Yang pertama adalah untuk mengenal pasti rangka berita yang digunakan dalam laporan wacana berita dan yang kedua adalah untuk mengenal pasti sebarang pengaruh kuasa yang terdapat dalam laporan tersebut. Kajian menunjukkan terdapat beberapa rangka dan pengaruh kuasa dalam data kajian.

Dari segi rangka wacana berita, kedua-dua portal berita menggunakan rangka yang sama dalam melaporkan isu-isu perubahan iklim. Rangka yang paling kerap digunakan adalah “kesan-kesan perubahan iklim” dan diikuti dengan “punca-punca perubahan iklim” manakala rangka yang paling kurang digunakan adalah “langkah penyelesaian”. Hal ini mungkin kerana rangka-rangka yang paling kerap digunakan tersebut lebih sesuai dalam mematuhi norma kewartawanan pertama

oleh Boykoff and Boykoff (2007) iaitu pendramaan yang mana penekanan terhadap krisis berbanding kesinambungan dapat meningkatkan nilai berita sesebuah isu menjadi lebih sensasi. Tambahan lagi, antara sebab rangka “langkah penyelesaian” paling kurang digunakan mungkin dapat dijelaskan melalui kajian oleh Masud et al. (n.d.) dan Rahman, Osman Mohamad dan Zainal Abu Zarim (2014) yang menunjukkan majoriti rakyat Malaysia mengetahui mengenai isu-isu perubahan iklim tetapi kurang ilmu dan kebimbangan untuk mengambil tindakan menangannya.

Dari segi pengaruh kuasa, dapatan kajian menunjukkan sumber-sumber berita dan para wartawan mempunyai kuasa dalam mempengaruhi produk akhir sesebuah wacana berita. Hal ini kerana kebanyakan dakwaan yang dibuat dalam laporan wacana berita terpilih dipetik dari atau berdasarkan dakwaan oleh sumber-sumber berita seperti para saintis. Para saintis mengusulkan sudut yang boleh dilaporkan mengenai isu-isu perubahan iklim melalui kajian yang mereka jalankan seperti kesan-kesan dan punca-punca perubahan iklim. Justeru, keadaan tersebut selari dengan kenyataan Corbett (2015) iaitu kebanyakan wacana berita dipengaruhi oleh bukan wartawan tetapi sumber-sumber berita yang lain.

Namun begitu, walaupun sumber-sumber berita mempunyai pengaruh kuasa dalam membentuk rangka sesebuah wacana berita, analisis makro-struktur menunjukkan beberapa rangka berita yang bukan dipengaruhi oleh sumber-sumber berita seperti “galakan mengambil tindakan” dan “ketidakpastian kesan perubahan iklim”. Rangka-rangka berita tersebut dibentuk oleh para wartawan melalui alat-alat linguistik seperti penggunaan bahasa dan susunan ayat.

Tambahan lagi, dapatan kajian juga menunjukkan golongan elit seperti kerajaan, konglomerat dan syarikat-syarikat besar mempunyai kuasa dalam mengawal penghasilan sesebuah wacana berita tetapi secara tersirat. Apabila melaporkan tentang galakan mengambil tindakan, pihak yang dipanggil adalah masyarakat dan golongan elit tidak pernah disebut. Selain itu, apabila membincangkan tentang punca-punca perubahan iklim, masyarakat sering dipersalahkan manakala golongan elit tidak disebut langsung. Namun begitu, golongan elit disebut apabila membincangkan tindakan-tindakan yang mereka ambil dalam menangani masalah perubahan iklim. Hal ini mungkin kerana portal berita terikat dengan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan pihak kerajaan atau portal-portal berita tersebut mendapat dana daripada golongan elit tersebut sekali gus, menghalang mereka dari disebut secara negatif.

Kesimpulannya, diharapkan kajian ini dapat mencetuskan lebih banyak kajian lanjutan mengenai bagaimana isu-isu perubahan iklim dilaporkan dalam wacana berita pada spektrum yang lebih meluas untuk memahami apa yang rakyat diberitahu mengenai isu-isu perubahan iklim. Akhir sekali, diharapkan kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan atau bimbingan dalam mempertingkatkan bagaimana isu-isu perubahan iklim seharusnya dilaporkan dalam wacana berita.

Rujukan

- Azlan, A. A., Rahim, S. A., Basri, F. K., & Hasim, M. S. 2012. Malaysian Newspaper Discourse and Citizen Participation. *Asian Social Science ASS* 8(5), 116-124.
doi:10.5539/ass.v8n5p116
- Anderson, A. 2009. Media, Politics and Climate Change: Towards a New Research Agenda. *Sociology Compass* 3(2): 166–82.
- Boykoff, M. T., & Boykoff, J. M. 2007. Climate change and journalistic norms: A case-study of US mass-media coverage. *Geoforum* 38(6), 1190-1204. doi:10.1016/j.geoforum.2007.01.008
- Boykoff, M., & Roberts, J. 2007. *Media Coverage of Climate Change: Current Trends, Strengths, Weaknesses (Rep.)*. Retrieved April 20, 2016, from http://hdr.undp.org/sites/default/files/boykoff_maxwell_and_roberts_j._timmons.pdf
- Boykoff, M., & Boykoff, J. 2004. Balance as bias: Global warming and the US prestige press. *Global Environmental Change* 14(2), 125-136. doi:10.1016/j.gloenvcha.2003.10.001

- Corbett, J. B. 2015. Media power and climate change. *Nature Climate Change* 5(4), 288-290. doi:10.1038/nclimate2592
- Chetty, K. 2013. The framing of climate change in New Zealand newspapers: tesis dikemukakan untuk memenuhi sebahagian dari keperluan Ijazah Sarjana Sains Komunikasi, Centre for Science Communication, University of Otago, Dunedin, New Zealand (Master's thesis). *University of Otago*. Retrieved March 20, 2017, from <http://hdl.handle.net/10523/4072>
- Cissel, M. 2012. Media Framing: A Comparative Content Analysis on Mainstream and Alternative News Coverage of Occupy Wall Street. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communications* 3(1), 67-77. Retrieved May 11, 2016, from <https://www.elon.edu/docs/e-web/academics/communications/research/vol3no1/08CisselEJSpring12.pdf>
- Chong, D., & Druckman, J. N. 2007a. Framing theory. *Annual Review of Political Science* 10(1), 103-126. doi:10.1146/annurev.polisci.10.072805.103054
- Fairclough, N. 2001b. *Language and power*. Harlow, UK: Longman.
- Fairclough, N. 1995. *Media discourse*. London, UK: Edward Arnold.
- Gill, S. K., Keong, Y. C., Bolte, S., & Ramiah, S. 2012. Ideological features of vocabulary in news reports of Malaysia's medium of instruction change. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12(3), 765-787.
- Garrison, L. 2011. *The News about Climate Change: A Critical Analysis of Canadian Newspaper Coverage of Climate Change* (Unpublished master's thesis). University of Victoria. Retrieved April 1, 2017, from <https://dspace.library.uvic.ca/handle/1828/3469>
- Iga, T. 2008. *The role of media and media freedom in democratizing countries: A comparative study of Indonesian and Malaysian media*. Makalah dibentangkan di Conference on Confluences and Challenges in building the Asian community in the early 21st century. API publications. www.api-fellowships.org/body/international_ws.../year8.pdf
- Masud, M. M., Dehdar, F., Akhtar, R., & Afroz, R. n.d.. *Public Awareness towards Global Climate Change: Asian Perspectives*. Retrieved March 30, 2016, from <http://www.interjournal.cmru.ac.th/science/Paper/FullPaper-S5O-006.pdf>
- Nhung, L. T. 2016. *A critical discourse analysis of English media texts on climate change* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Vietnam National University. Retrieved April 1, 2017, from http://repository.vnu.edu.vn/bitstream/VNU_123/17149/1/04051001304.pdf
- Nik Safiah Karim, Farid, M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. *Tatabahasa Dewan Edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusaka.
- Nor Jijidiana Azmi, Nor Azikin Mohd Omar, Safawati Basirah Mohd Zaid, Zanirah Wahab, & Akmah Yusof. (2015). Media Portrayal on Global Climate Change: an Analysis of Malaysian Mainstream Newspapers. *Studies in Media and Communication* 3(1), 73-78. doi:10.11114/smc.v3i1.815
- Rahman, M., Osman Mohamad, & Zainal Abu Zarim. 2014. Climate Change: A Review of Its Health Impact and Percieved Awareness by the Young Citizens. *Global Journal of Health Science* 6(4), 196-204. doi:10.5539/gjhs.v6n4p196
- Stewart, M. 2014. *Discourse Analysis of Media Coverage of Climate Change* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Colorado State University. Retrieved April 20, 2016, from https://dspace.library.colostate.edu/bitstream/handle/10217/84147/Stewart_colostate_0053N_12617.pdf?sequence=1
- Thornborrow, J. 2012. *Language and the media*. In *Language, Society and Power: An Introduction* (pp. 55-74). Routledge.
- Takahashi, B. 2011. Framing and sources: a study of mass media coverage of climate change in Peru during the V ALCUE. *Public Understanding of Science* 20(4), 543-557. doi:10.1177/0963662509356502

- Van Dijk, T. A. 2005. *Critical Discourse Analysis*, in *The Handbook of Discourse Analysis* (eds D. Schiffrin, D. Tannen and H. E. Hamilton), Blackwell Publishers Ltd, Malden, Massachusetts, USA. doi: 10.1002/9780470753460.ch19
- Van Dijk, T. A. 1995. Power and the News Media. *Political Communication and Action* 9-36. Retrieved April 20, 2016, from <http://www.discourses.org/OldArticles/Power and the news media.pdf>
- Van Dijk, T. A. 1993. Principles of Critical Discourse Analysis. *Discourse & Society* 4(2), 249-283. doi:10.1177/0957926593004002006
- Van Dijk, T. A. 1987a. *Communicating racism*. Newbury Park, CA: Sage.
- Van Dijk, T. A. 1977. Semantic macro-structures and knowledge frames in discourse comprehension. *Cognitive processes in comprehension* 3-32. Retrieved May 11, 2016, from <http://www.discourses.org/OldArticles/Semantic%20Macro-Structures%20and%20Knowledge%20Frames%20in%20Discourse.pdf>
- Wodak, R. 2006. Critical Linguistics and Critical Discourse Analysis. *Handbook of Pragmatics*, 1-24. doi: 10.1075/hop.10.cri1